

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RMG 334 - Ukur Bahan 1

Masa : ( 3 jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Markah-markah akan diberikan kepada ketelitian dalam ukurkira, jelas serta sistematik dalam pengolahan dimensi-dimensi, cara pendekatan kepada penyelesaian dan kebolehan menghuraikan unsur-unsur.

Kerja hitungan hendaklah dibuat di tempat-tempat berkenaan di atas kertas ukuran.

Ukurkira hendaklah bersesuaian dengan Nota-Nota Penentuan yang diberi. Di mana terdapat perincian yang tidak jelas penentuan-nya atau juga tidak ditunjukkan dengan terang dalam lukisan, kaedah pembinaan yang lazim menggunakan bahan-bahan yang boleh dikatakan bermutu serta kerja yang baik bolehlah diandaikan.

Jawab SEMUA soalan.

1. Daripada lukisan-lukisan yang diberikan, ukurkirakan semua kerja-kerja untuk bumbung rata.

( 100 markah )

2. Daripada lukisan-lukisan yang diberikan, ukurkirakan semua kerja-kerja untuk pintu dan tingkap rumah teres setingkat.

( 100 markah )

... 2/-

NOTA-NOTA PENENTUAN

Penyediaan Konkrit

Semua konkrit yang digunakan hendaklah jenis kadar campuran 1 : 2 : 4. Jenis ukuran batu-bata pecahan adalah dari 5mm hingga 19mm. Kekuatan pecahan 28 hari setelah campuran sebagai dikehendaki, hendaklah sekurang-kurangnya  $21N/mm^2$ .

Kesemua konkrit di lantai-lantai, tiang-tiang dan rasuk-rasuk hendaklah digetarkan sepenuhnya untuk menghasilkan kepadatan yang secukupnya.

Semua tetulang keluli yang digunakan hendaklah jenis keluli sederhana yang memenuhi kehendak Penentuan British 785 (B.S.785) yang mempunyai tegasan mengalah minima bernilai  $250N/mm^2$ .

Ukuran minima lapisan konkrit menutupi tetulang keluli hendaklah 12mm untuk tiang-tiang dan 25mm untuk rasuk-rasuk.

Semua acuan bentuk yang digunakan hendaklah dari jenis yang boleh dipotong, dibina dari kayu yang telah disesuaikan dengan baiknya atau bahan-bahan lain yang telah dipersetujui dari segi mutu dan kekuatan yang akan menentukan ketegaran yang sepenuhnya sepanjang penempatan, mengentak, penggetaran dan pembekuan konkrit.

Tukang Kayu

Semua kayu-kayu untuk pintu dan tingkap adalah menggunakan kayu jenis Gred 'A' dengan permukaan yang diketam licin.

Pengecat

Bekalkan kerja-kerja mengecat yang berkenaan ke semua permukaan-permukaan yang ketara.

(PENENTUAN BERAKHIR)

ooooOooo